

Puisi merdeka

» Bawa nilai patriotisme, kebebasan secara santai

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Patriotisme tidak semestinya dilaungkan dalam ungkapan yang keras dan bernada tinggi, sebaliknya boleh disampaikan secara puitis dan tenang serta dibawa dengan gaya persembahan santai.

Ia jelas menjelma pada Malam Puisi: Integriti Inspirasi Merdeka di Auditorium Integriti, Institut Integriti Malaysia (IIM), Kuala Lumpur, baru-baru ini, apabila sebahagian penyair dan deklamator memilih gaya penyampaian santai dalam memberi makna dan nilai kebebasan.

Acara anjuran IIM dan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), bertujuan menggalakkan pengamalan integriti dan menyemarakkan patriotisme melalui seni puisi dalam masyarakat.

Hampir enam dekad menyusuri merdeka membuatkan sebahagian anak bangsa alpa dengan keamanan yang dikecapi sehingga memandang remeh terhadap apa yang mereka nikmati.

Hal itu itu disampaikan dengan gaya persembahan sarat kreativiti oleh deklamator, Amran Ibrahim Rahidi yang mengenakan jubah serba hitam dan membawa lampa sambil bertongkat ketika mempersembahkan sajak *Manuskrip Bangsa Merdeka*.



Anis Yusal Yusoff

Dengan ampuh kesedaran segera kita padamkan api sesal dalam sekam kita patahkan gunting hasutan dalam lipatan kita tanggalkan topeng segala kepuraan.

Kembalilah kita nyalakan kandil hakiki menyuluh arah haluan yang murni dengan tekad jalinan perpaduan suci menggilap kemilau permata sejati.

Khalid Salleh pukau khayak

Kemunculan seniman serba boleh, Khalid Salleh dengan puisinya *Makna Perempuan dan Kalau Aku Jadi PM* terus membuatkan suasana acara senyap seketika dengan lontaran suaranya yang padu.

Khayak penonton turut dibuai dengan suara deklamator wanita, Lin Haslinaz dalam puisi khusus untuk generasi muda yang menghargai perjuangan kemerdekaan bertajuk *Ikrar Dari Anak Pascamerdeka*.

Shamsudin Othman



Lin Haslinaz

Khalid Salleh



Roslan Madun

Anak-anak pascamerdeka, mari kita bentangkan kembali tikar perpaduan yang telah mereka anyam dahulu agar tidak hilang jejak-jejak bakti agar tidak timbul warna-warna kesal di kemudian hari agar tidak basah bermandi air mata darah lagi agar masih merimbun hijau Malaysiaku tanah tumpah, darahku!

Bawa puisi Berpada-pada

Gelanggang turut dimeriahkan dengan deklamasi puisi oleh Presiden PENA, Dr Mohamad Saleeh Rahamad yang mencuri perhatian ramai menerusi sajak berjudul *Berpada-pada* mengenai sikap se-setengah manusia yang gemar mengambil kesempatan terutama

terhadap golongan bawahan.

Jika kau pinta darah kami untuk menyambung nyawamu ambillah sekadar yang perlu untuk mengganti darahmu yang hilang tapi jangan kau sedut seluruh darah dari saraf kami sehingga yang tinggal hanya tulang-belulang sampai kami tak bermaya untuk membuka mata kami tak meminta kau memberikan seluruh pengorbananmu kepada kami kami tidak meminta apa-apa milikmu tapi yang kami minta hanyalah kefaaman kau perlu berpada-pada.

Dua mantan juara

Acara yang dikendalikan Pengurus Tetap PENA, Ibrahim Ghaffar itu turut menyaksikan Presiden IIM, Dr Anis Yusal Yusoff; Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Shamsudin Othman dan dua mantan juara sayembara deklamasi kebangsaan iaitu Mohamad Tarmizi Kassim dan Ahmad Shukri Abdullah tampil di pentas puisi.

Malam puisi apresiasi kemerdekaan yang berlangsung lebih dua jam itu juga dimeriahkan dengan persembahan nyanyian oleh kumpulan Kopratasa yang mendendangkan lagu popular mereka, iaitu *Masihkah Kau Ingat* dan *Permata Untuk Isteri*.

Khayak turut dihiburkan oleh penyanyi lagu rakyat, Roslan Madun dan Kumpulan Fazleena and The Lasykar yang mendendangkan lagu berjudul *Aman* pada acara yang turut dihadiri oleh Pengurus Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR), Tan Sri Johan Jaaffar dan Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah.